

UNIT 2: TANGGUNGJAWAB TERHADAP RAKAN SEBAYA, JIRAN DAN MASYARAKAT

TAJUK 2 – KELAKUAN YANG TERPUJI

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan perkataan atau frasa yang sesuai.

berselerak	kawasan hutan	tong sampah
pergaduhan	pembakaran terbuka	penyakit asma
diikat	pencemaran udara	keharmonian
tidak diselongkar	jiran tetangga	menjejaskan kesihatan
menimbulkan bau	Sampah	pembuangan sampah

Dalam kita hidup berjiran, beberapa perkara perlu diperhatikan untuk menjaga _____ dengan jiran tetangga.

i. **Buang sampah ke tempat yang betul.**

- _____ yang hendak dibuang ke luar rumah hendaklah _____ dengan rapi.
- Setelah itu, buang plastik sampah ke dalam _____ yang berpenutup.
- Tutup tong sampah dengan betul agar _____ oleh binatang liar seperti anjing dan kucing.
- Jika sampah diselongkar oleh binatang liar, sampah akan _____ di mana-mana.
- Ini akan menyebabkan pemandangan yang tidak elok dan _____ yang kurang menyenangkan.

- f. Sampah juga akan berselerak hingga ke rumah _____.
- g. Perkara ini akan menyakiti hati jiran sehingga boleh menyebabkan _____ dengan jiran.
- h. Elakkan perkara seperti ini dari berlaku.

ii. Tidak melakukan pembakaran terbuka.

- a. Jangan melakukan _____ di kawasan kejiranan.
- b. Jika terdapat sampah yang perlu dilupuskan, buanglah sahaja sampah-sampah tersebut ke tempat _____ untuk orang awam.
- c. Jika kita melakukan aktiviti pembakaran, terutama pada musim panas, ditakuti api akan merebak ke _____ yang berdekatan dan kebakaran mungkin tidak akan dapat dikawal.
- d. Asap dari pembakaran akan menyebabkan _____.
- e. Ditakuti ada di antara jiran-jiran kita mempunyai _____.
- f. Asap dari pembakaran tadi akan _____ orang-orang yang berpenyakit asma.